



Jangan guna logo SSM tanpa kebenaran

Oleh Ercy Gracella Ajos - Februari 20, 2023 @ 4:14pm
bhnews@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) mengingatkan orang ramai supaya tidak menggunakan logo SSM di mana-mana platform termasuk di media sosial dan bahan bercetak, tanpa kebenaran.

SSM dalam kenyataan hari ini berkata, pihaknya sudah pun mengesan beberapa iklan pinjaman wang di media sosial yang menggunakan logo SSM.

SSM tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak yang terbabit dengan penyalahgunaan logo SSM.

"Sebagai sebuah badan berkanun, SSM tidak pernah memberi kebenaran kepada mana-mana pihak yang menawarkan perkhidmatan pinjaman wang untuk menggunakan logo SSM.

Justeru, mana-mana pihak yang menggunakan logo SSM tanpa kebenaran boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 54 Akta Cap Dagangan 2019.

"Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan SSM di talian 03-77214000 atau emel kepada enquiry@ssm.com.my," katanya.